

# Ahli-ahli Umno diminta bertenang hadapi isu pindaan perlembagaan

GEMAS, Isnin — Anggota-anggota Umno diminta bertenang menghadapi isu pindaan perlembagaan dan memberi sokongan bulat serta kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Isa Datuk Abdul Samad, berkata, mereka tidak perlu risaukan isu itu walaupun ramai orang yang tidak bertanggungjawab mengatakan kononnya Umno akan menghadapi satu masalah berkaitan isu itu.

"Setiap anggota hendaklah bertenang dan memberikan sokongan bulat serta kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan parti untuk menyelesaikannya dalam suasana aman dan harmoni," tegas beliau.

Berucap di majlis kesyukuran kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Tampin di Kampung Hulu Ladang dekat sini hari ini, Datuk Mohd. Isa berkata, isu pindaan perlembagaan bukan krisis yang tidak boleh diselesaikan oleh pucuk pimpinan.

Umno melalui berbagai-bagai krisis sejak ia ditubuhkan, antaranya krisis Datuk Onn keluar dari Umno, Dewan Ulama berpecah menu-

buhkan Pas, Singapura keluar daripada Malaysia dan banyak lagi, tambahnya.

Datuk Mohd. Isa lalu mengingatkan setiap anggota supaya jangan mendengar berbagai-bagai cerita mengenai isu itu yang disebarkan oleh setengah-setengah golongan yang beliau sifatkan sebagai 'pelakon tambahan'.

Menurutnya, yang pe-

liknya ialah setengah-setengah daripada mereka bukan orang-orang Umno, tetapi merekalah orang-orang yang banyak sekali bercerita mengenai isu itu.

Memandangkan hal yang demikian, anggota Umno perlulah berwaspada, bertenang dan memberi sokongan bulat serta kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan untuk menyelesaikannya, katanya. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia